

## **PENEROKAAN TEKNIK DAN PENDEKATAN YANG SESUAI DALAM PROSES MEMBANTU PELAJAR MENYIAPKAN KAJIAN SEJARAH TEMPATAN**

Oleh

**Tang Geok Ling**  
Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Aman,  
95000 Sri Aman.

### **Abstrak**

*Kajian tindakan ini bertujuan untuk meneroka teknik dan pendekatan yang sesuai dalam proses membantu pelajar Tingkatan Satu Bestari (1B) menyiapkan Kajian Sejarah Tempatan (KST). Dalam kajian ini, saya telah mengumpul data melalui beberapa cara, antaranya seperti temu bual dengan guru Sejarah yang lain, dan beberapa orang pelajar 1B, menganalisis catatan diari saya, membuat pemerhatian dalam proses pembelajaran dan pengajaran KST, dan juga menyemak KST pelajar. Dalam proses pelaksanaan kajian ini, saya telah cuba membetul dan meneroka pendekatan dan teknik yang sesuai ekoran daripada masalah yang timbul. Salah satu pendekatan, iaitu membentuk kumpulan mengikut tahap perkembangan KST, telah digunakan saya dalam menguruskan pelajar saya yang mempunyai tahap perkembangan yang berbeza dalam pelaksanaan KST. Penggunaan pendekatan ini telah membolehkan pelajar saya menyiapkan KST mereka.*

### **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Saya mula bertugas sebagai seorang guru di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sri Aman pada bulan Februari 2006. Sebelum ini saya bertugas di SMK Engkilili selama 3 tahun 5 bulan. Seperti di SMK Engkilili, saya juga ditugaskan untuk mengajar mata pelajaran Sejarah bagi Tingkatan Satu dan Tingkatan Dua.

SMK Sri Aman pada tahun ini mempunyai dua sesi iaitu sesi pagi yang terdiri daripada Tingkatan Tiga hingga Tingkatan Enam Rendah manakala sesi petang terdiri daripada Tingkatan Peralihan hingga Tingkatan Dua. Pada tahun ini, sekolah ini telah membuka lapan kelas Tingkatan Satu. Setiap kelas Tingkatan Satu mempunyai bilangan pelajar yang ramai iaitu melebihi 40 orang. Bilangan pelajar yang ramai dalam kelas memang merupakan satu kerumitan bagi saya untuk menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran (p & p). Begitu juga semasa pelaksanaan Kajian Sejarah Tempatan (KST) dalam kelas.

Saya telah bertanya dan berbincang dengan guru Sejarah yang mengajar Sejarah Tingkatan Satu dan Tingkatan Dua tentang pelaksanaan KST di sekolah ini. Didapati bahawa situasi yang dihadapi di sekolah ini hampir sama dengan sekolah saya yang dahulu iaitu SMK Engkilili. Masalah yang sentiasa kami hadapi, antara lainnya, adalah seperti pelajar tidak melaksanakan KST, hanya menyiapkan sebahagian

sahaja daripada KST, meniru hasil KST rakan lain, mengupah atau meminta orang lain buat, tidak mengikut arahan atau kehendak soalan KST dan tidak ada pengalaman dalam menghasilkan kerja kursus seperti ini.

Pada tahun ini, jumlah pelajar dan kelas bagi Tingkatan Satu bertambah dengan banyak iaitu lapan kelas Tingkatan Satu (Kelas 1A-1H) dan pelajar bagi semua kelas tersebut melebihi 40 orang pelajar kecuali bagi kelas 1A yang hanya mempunyai 36 orang pelajar. Bilangan pelajar yang ramai telah merumitkan guru-guru untuk melaksanakan proses p & p dalam kelas. Begitu juga dengan pelaksanaan KST bagi pelajar Tingkatan Satu dan dijangka mendatangkan pelbagai masalah kepada guru dan pelajar sendiri. Oleh yang demikian, saya seperti guru KST yang lain perlu merancang suatu pendekatan yang sesuai untuk membantu pelajar agar mereka dapat menghasilkan KST yang sempurna.

## **KAJIAN SEJARAH TEMPATAN**

KST adalah sebahagian daripada Sukatan Pelajaran Sejarah Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Aspek Sejarah Tempatan ini memberi perhatian pada pengkajian sesuatu tempat atau kawasan sebagai satu unit yang lebih kecil daripada negeri. Tegasnya, KST bersifat mikro tentang hal-hal yang bersangkutan dengan keadaan setempat dan dijalankan dalam bentuk projek (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2004: 1-2).

KST memberi pengalaman secara langsung kepada pelajar mengkaji aspek-aspek Sejarah yang ada di sekeliling mereka. Melalui pengkajian ini, kemahiran Sejarah seperti mencari, mengumpul, menganalisis, mentafsir dan merumus maklumat dan fakta-fakta Sejarah dapat dipertingkatkan. Pengalaman ini dapat membolehkan pelajar peka dan berminat terhadap Sejarah.

KST secara umumnya ialah pengkajian unsur-unsur sejarah setempat yang melibatkan perjalanan yang dekat serta penggunaan bahan-bahan yang diperolehi setempat. Aspek-aspek kajian bagi Tingkatan Satu, Tingkatan Dua dan Tingkatan Tiga telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Aspek-aspek KST bagi setiap Tingkatan Satu adalah seperti yang dicatat pada Jadual 1.

**Jadual 1: Tajuk kajian KST Tingkatan Satu**

<b>Tajuk Kajian KST Tingkatan Satu</b>	
<b>Tema: Sejarah Diri dan Keluarga</b>	1. Salasilah keluarga
	2. Perkembangan diri dan keluarga
	3. Tokoh-tokoh dalam keluarga
	4. Peristiwa bersejarah dalam keluarga

Tajuk KST yang telah ditetapkan oleh Panitia Sejarah pada tahun ini ialah "Perkembangan diri dan keluarga". Bagi pelaksanaan KST ini, saya telah menggunakan satu waktu daripada tiga waktu Sejarah setiap minggu supaya saya dapat mengetahui perkembangan pelajar saya dari semasa ke semasa dan membolehkan pelajar sentiasa mendapat bimbingan daripada saya.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk:

- meneroka kesesuaian teknik dan pendekatan yang saya guna dalam proses membantu pelajar Tingkatan 1 Bestari (1B) menyiapkan KST mereka; dan
- mengenal pasti kelebihan dan kelemahan teknik dan pendekatan yang digunakan saya dalam proses membantu pelajar Tingkatan 1B menyiapkan KST mereka.

## **PERSOALAN KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk menjawab soalan-soalan berikut.

- Adakah teknik dan pendekatan yang diteroka saya dapat membantu pelajar Tingkatan 1B menyiapkan KST?
- Apakah kelebihan dan kelemahan teknik dan pendekatan yang digunakan saya dalam proses membantu pelajar Tingkatan 1B menyiapkan KST mereka?

## **PERANAN SAYA**

Sepanjang proses pelaksanaan KST saya memainkan peranan seperti yang berikut.

### **(1) Perancang**

- a. membuat persediaan bagi melaksanakan kajian.
- b. memberi panduan pelaksanaan KST kepada pelajar.
- c. mengenal pasti bahan sumber.
- d. menyediakan senarai semak dan catatan berperingkat untuk menyelia perkembangan pelajar.
- e. membantu dan menyemak soalan temubual.
- f. memantau hasil kerja pelajar dari semasa ke semasa.

### **(2) Penyampai Maklumat**

- a. menimbulkan soalan perbincangan bagi mencungkil pandangan dan pemikiran pelajar.
- b. memberi penerangan tentang KST dan langkah-langkah bagi melaksanakannya.

### **(3) Pemudahcara/Pembimbing**

- a. membantu menyelesaikan sebarang masalah yang timbul.
- b. sebagai penggerak kepada aktiviti dalam kumpulan.
- c. sebagai pembimbing semasa sesi pengajaran dan pembelajaran (p & p) KST dijalankan.
- d. memastikan setiap pelajar mengambil bahagian secara aktif.

### **4. Penilai**

- a. menyemak buku catatan aktiviti pelajar dan menandatangani dari masa ke semasa.
- b. memeriksa hasil kerja pelajar di peringkat pelaksanaan dan hasilan.
- c. merekod markah pelajar.

## **KUMPULAN SASARAN**

KST dilaksanakan bagi kelas Sejarah saya yang meliputi kelas 1B, 1D, 1F dan IH. Pada peringkat awal, saya telah merancang supaya semua pelajar kelas Sejarah Tingkatan Satu saya menjadi peserta kajian saya ini. Walau bagaimanapun, setelah diteliti daripada pelbagai sudut, saya kemudian telah mengambil keputusan hanya melibatkan pelajar kelas 1B sebagai peserta kajian kerana saya masih tidak mempunyai pengalaman yang cukup untuk menghasilkan kajian yang melibatkan peserta kajian yang begitu ramai (kira-kira 200 orang pelajar). Hal ini mungkin akan menimbulkan kesukaran bagi saya untuk mengumpul dan menganalisis data.

Saya telah memilih Tingkatan 1B sebagai peserta kajian kerana kelas tersebut mempunyai bilangan pelajar yang ramai iaitu 43 orang pelajar dan dalam kelas tersebut terdapat 10 orang pelajar yang dari kelas peralihan. Pelajar-pelajar ini mungkin menghadapi masalah dalam menghasilkan KST pada tahun ini. Saya berharap teknik yang digunakan oleh saya dapat membantu pelajar saya menyelesaikan masalah yang dihadapi semasa melaksanakan KST mereka.

## **TEKNIK MENGUMPUL DATA**

Kajian tindakan ini telah bermula pada bulan April 2006 dengan pengenalanpastian fokus kajian saya. Fokus kajian saya telah dikenal pasti berdasarkan perbincangan dengan guru Sejarah yang lain serta pengalaman sendiri.

**Temubual:** Saya menemubual guru Sejarah yang lain untuk mendapatkan pandangan mereka tentang pelaksanaan KST. Di samping itu, saya juga menemubual pelajar-pelajar saya yang sanggup memberi maklum balas kepada saya. Hasil temubual ini membantu saya membuat interpretasi dan kesimpulan terhadap kajian saya.

**Pemerhatian dan catatan guru:** Saya juga mencatat segala pemerhatian saya semasa melaksanakan KST dalam kelas dan seterusnya menyemak dan menganalisis maklumat-maklumat yang dicatatkan.

**Catatan murid:** Pelajar-pelajar yang menjalankan KST pula menyediakan buku catatan mereka. Pelajar-pelajar mencatat segala aktiviti, perasaan dan masalah yang mereka hadapi sepanjang masa mereka menjalankan KST. Saya pula menyemak catatan mereka dari semasa ke semasa.

**KST:** KST yang dihasilkan oleh pelajar 1B juga disemak saya untuk mengenal pasti sama ada teknik yang digunakan membantu mereka menyiapkan KST mereka.

## **PELAKSANAAN KAJIAN DAN DAPATAN KAJIAN**

### ***Pelaksanaan Kajian Sejarah Tempatan***

Sebelum bermulanya pelaksanaan KST, saya telah mengadakan taklimat dan perbincangan bersama dengan pelajar sepanjang minggu dari 17.04.06 hingga 21.04.2006 yang melibatkan tiga waktu Sejarah bagi setiap kelas. Saya telah

menerangkan objektif dan matlamat KST kepada pelajar. Di samping itu, saya juga memberitahu dan menerangkan tajuk KST pada tahun ini iaitu “Perkembangan Diri dan Keluarga” dan aspek-aspek yang perlu dikaji dalam tajuk ini. Aspek-aspek seperti kaedah menjalankan KST, format KST dan persiapan-persiapan yang diperlukan juga turut disampaikan kepada pelajar.

Kertas Edaran 1 telah diedarkan kepada pelajar untuk memudahkan mereka memahami penerangan yang diberikan saya. Pelajar telah mendengar dan merujuk kepada kertas edaran tersebut dan membuat catatan terhadap perkara-perkara yang penting. Pelajar juga dipesan supaya menyediakan kertas folio yang bersaiz A4 dan juga sebuah buku catatan.

#### **KAJIAN SEJARAH TEMPATAN: TINGKATAN 1**

#### **TAJUK: PERKEMBANGAN DIRI DAN KELUARGA**

#### **FORMAT MUKA HADAPAN**

1. Tajuk
2. Nama
3. Tingkatan
4. Sekolah

#### **FORMAT HASIL KAJIAN**

1. Tajuk Kajian
2. Senarai Kandungan
3. Penghargaan
4. Objektif Kajian
5. Kaedah kajian
6. Laporan kajian
7. Rumusan
8. Lampiran
9. Rujukan

#### **HURAIAN TENTANG ASPEK-ASPEK MENGHASILKAN KAJIAN**

1. Penghargaan – hendaklah dinyatakan dengan jelas.
2. Objektif Kajian – berdasarkan kajian yang dijalankan.
  - a. mengetahui asal usul diri dan keluarga.
  - b. Mengenali ahli keluarga dan saudara mara.
  - c. Memupuk rasa cinta dan bangga terhadap keluarga.
3. Kaedah kajian – Cara mendapatkan maklumat
  - a. Kaedah temuramah
  - b. Kaedah analisis dokumen
4. Laporan kajian:
  - a. Bab 1 : Perkembangan Diri
  - b. Bab 2 : Perkembangan Ayah dan Keluarganya
  - c. Bab 3 : Perkembangan Ibu dan Keluarganya
  - d. Bab 4 : Perkembangan Adik-beradik
5. Rumusan
  - a. nyatakan cadangan anda, kepuasan atau minat anda.
  - b. iktibar atau pengajaran yang diperolehi semasa menjalankan kajian.
6. Lampiran - dokumen seperti sijil-sijil, gambar, kad pengenalan, kad pekerjaan dll.
7. Rujukan – bahan-bahan yang digunakan untuk membuat rujukan.

#### **Kertas Edaran 1: Kajian Sejarah Tempatan Tingkatan Satu**

Dalam pelaksanaan KST, pelajar perlu menetapkan objektif kajian dan kaedah kajian. Walau bagaimanapun, objektif kajian bagi tajuk “Perkembangan Diri dan Keluarga” telah ditetapkan oleh guru dan pelajar dalam perbincangan pada peringkat awal KST. Kaedah kajian yang ditetapkan ialah menggunakan kaedah temuramah dan analisis dokumen. Pelajar juga digalakkan menggunakan kaedah lain yang sesuai dengan keadaan mereka sendiri.

### **Penghasilan Muka Depan Folio KST**

Pada awal perancangan iaitu selepas taklimat mengenai KST diberikan, sebenarnya saya telah merancang satu sesi yang berkaitan dengan pembinaan item-item soalan temuramah tetapi saya terpaksa mengadakan sesi penghasilan muka depan folio KST terlebih dahulu kerana pelajar-pelajar saya tergesa-gesa ingin memulakan KST mereka. Hal ini terbukti, apabila selepas taklimat KST, terdapat sebilangan pelajar sudah mula menghasilkan muka hadapan folio mereka dan kebanyakan hasil kerja mereka masih mempunyai kekurangan. Dengan itu, saya telah mengadakan sesi penghasilan muka depan folio KST pada peringkat awal.

Rancangan bagi penghasilan muka depan folio KST telah diadakan dan rancangan pelajaran harian tersebut adalah seperti berikut.


Tingkatan: 1 Bestari  
Tarikh: 28.04.2006  
Hari: Jumaat  
Masa: 5.40-6.10 petang (30 minit)  
Bil Pelajar: 43 orang  
Mata Pelajaran: Sejarah  
Topik: Kajian Sejarah Tempatan (KST)  
Aktiviti: Penghasilan muka depan folio KST  
Objektif: Pada akhir aktiviti, pelajar dapat menghasilkan muka depan folio KST mengikut format yang ditetapkan.  
BBM: Contoh-contoh muka depan folio dan kertas edaran.

Langkah	Isi Pelajaran/ Topik	Aktiviti Guru	Maklum balas Pelajar	Catatan
Induksi Set (5 minit)	Penghasilan muka depan folio KST.	1. Guru menunjukkan contoh-contoh muka depan folio KST kepada pelajar.  2. Guru bertanya maklumat - maklumat yang terdapat pada muka depan folio KST.	1. Pelajar memberi tindak balas yang positif iaitu berminat terhadap contoh muka depan folio KST yang ditunjukkan oleh guru kerana kemas serta gambar yang berwarna warni 2. Pelajar turut menunjukkan minat terhadap soalan yang dikemukakan oleh guru dengan memberi jawapan yang tepat.	BBM: Contoh- contoh muka depan folio KST.
Langkah 1 (10 minit)	Format muka depan folio KST.	1. Guru menerangkan format dan maklumat yang perlu ada pada muka depan folio	1. Pelajar tumpu perhatian terhadap kertas edaran sambil mencatat maklumat yang penting semasa guru memberi	BBM: Kertas edaran

*Tang Geok Ling: Penerokaan teknik dan pendekatan yang sesuai dalam proses membantu pelajar menyiapkan Kajian Sejarah Tempatan, ms 73-90.*

		KST. 2. Kertas edaran juga diberikan kepada pelajar.	penerangan.	
Langkah 2 (10 minit)	Penghasilan deraf muka depan Folio KST	1. Guru meminta pelajar menghasilkan deraf muka depan folio KST mereka dalam masa 10 minit. 2. Guru memantau dan membimbing pelajar.	1. Pelajar mula memikirkan idea masing-masing serta mula berusaha menghasilkan deraf muka depan KST. 2. Sebilangan pelajar mengemukakan soalan kepada guru berkaitan dengan deraf muka depan.	
Penutup (5 minit)	Tugasan diberikan	1. Guru memberi tugasan kepada pelajar iaitu menghasilkan muka depan folio KST di rumah dan diminta pelajar bawa pada minggu depan.	1. Pelajar menerima arahan di samping mula berbincang dengan kawan-kawan mereka.	

Seperti yang diharapkan saya, pelajar 1B telah membawa muka depan folio KST mereka yang dihasilkan pada minggu seterusnya. Setelah disemak hasil kerja mereka, saya mendapati kebanyakan mereka telah menghasilkan muka depan folio KST yang menarik dan kreatif serta mengikut format yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, terdapat juga sebilangan pelajar telah menghasilkan kerja yang tidak kemas dan tidak mengikut format. Contoh hasil kerja pelajar adalah seperti yang dipaparkan pada Gambar 1 dan Gambar 2.



**Gambar 1: Contoh hasil kerja pelajar**

**Gambar 2: Contoh hasil kerja pelajar**

Hal ini telah menyedarkan bahawa saya perlu menerang dan menunjukkan cara-cara menyusun dan melukis perkataan dan huruf. Disebabkan itu, saya telah merancang satu sesi khas untuk mereka bagi menunjukkan cara-cara menyusun perkataan dan huruf yang terdapat pada muka depan folio KST. Saya juga bertanya secara lisan kepada pelajar-pelajar ini dan mendapati bahawa sikap malas mereka telah menyebabkan mereka menghasilkan kerja mereka pada saat-saat yang terakhir dan hasil kerja yang tidak kemas ini hanya sekadar untuk mengelakkan hukuman daripada saya. Terdapat pelajar yang memberitahu saya bahawa mereka menghasilkan muka depan folio mereka mengikut cara sendiri kerana ingin menghasilkan sesuatu yang berbeza dan kreatif berbanding dengan hasil kerjakerakan mereka dan juga contoh-contoh yang telah ditunjukkan saya.

### **Membina dan Menyediakan Soalan Temuramah**

Setelah kami menentukan kaedah kajian iaitu kaedah temuramah dan analisis dokumen untuk mengumpul data-data yang diperlukan dalam KST, saya telah mengadakan satu sesi perbincangan dengan pelajar 1B iaitu sesi membina dan menyedia soalan temuramah. Rancangan pelajaran harian bagi membina dan menyedia soalan temuramah adalah seperti berikut.

Tingkatan: 1 Bestari  
Tarikh: 09.05.2006  
Hari: Selasa  
Masa: 12.55-1.30 petang (35 minit)  
Bil Pelajar: 43 orang  
Mata Pelajaran: Sejarah  
Topik: Kajian Sejarah Tempatan (KST)  
Aktiviti: Membina dan menyediakan soalan temuramah.  
Objektif: Pada akhir aktiviti, pelajar dapat membina soalan-soalan temubual bagi mengumpul data-data yang diperlukan dalam KST.

Langkah	Isi Pelajaran/ Topik	Aktiviti Guru	Maklum balas Murid	Catatan
Induksi Set (5 minit)	Pengenalan kepada kaedah temuramah.	1. Guru meminta dua orang pelajar membuat lakonan temuramah (Soalan temuramah telah disediakan guru).	1. Pada permulaan, pelajar agak kaku dengan lakonan mereka dan menimbulkan kebisingan (pelajar lain ketawakan mereka) 2. Setelah guru memberi teguran, keadaan telah menjadi lebih baik	BBM: Soalan temuramah yang disediakan guru.
Langkah 1 (15 minit)	Kaedah temuramah	1. Guru menerangkan kaedah temuramah kepada murid. 2. Guru menjelaskan soalan-soalan temuramah boleh dibina berdasarkan perkara-perkara	1. Pelajar memberi tumpuan yang sepenuhnya semasa guru memberi penjelasan. 2. Terdapat beberapa pelajar telah memberi respons	



		<p>berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Maklumat peribadi</li> <li>ii. Latar belakang keluarga.</li> <li>iii. Latar belakang pendidikan dan pengalaman.</li> <li>iv. Sumbangan-sumbangan terhadap masyarakat setempat.</li> <li>v. Visi dan falsafah hidup.</li> <li>vi. Anugerah/kejay aan.</li> </ol>	<p>yang sangat positif iaitu bertanya tentang kesesuaian soalan yang dibentuk oleh mereka.</p>	
Langkah 2 (10 minit)	Pembinaan item-item soalan temuramah.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Guru meminta pelajar menentukan orang sumber.</li> <li>2. Guru meminta pelajar membina item-item soalan temuramah.</li> <li>3. Guru sebagai pemudahcara dan pembimbing</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pelajar berusaha memenuhi arahan guru serta bertanya tentang kesesuaian orang sumber serta item-item soalan temuramah.</li> <li>2. Terdapat juga sebilangan pelajar menyatakan masalah untuk berhubung dengan saudara-mara yang tinggal jauh.</li> </ol>	Orang sumber seperti ibu bapa, saudara-mara, datuk nenek dan adik beradik.
Penutup (5 minit)	Memberi tugas kepada pelajar.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Guru meminta pelajar menyediakan deraf soalan dan hantar pada waktu sejarah yang akan datang.</li> <li>2. Guru akan menyemak dan membetulkan deraf soalan yang disediakan oleh pelajar.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pelajar berjanji akan menyiapkan deraf soalan dan menghantar pada masa yang ditetapkan.</li> </ol>	

Setelah p & p ini dilaksanakan, pelajar telah mengetahui bahawa orang sumber yang perlu ditemuramah adalah seperti ibu bapa, datuk-nenek, saudara-mara dan adik-beradik. Soalan-soalan temuramah telah dibina mereka dan kemudian disemak serta dimurnikan saya. Mereka dikehendaki menjalankan temuramah dan mengumpul dokumen-dokumen yang diperlukan dalam KST mereka pada cuti pertengahan tahun yang jatuh pada 17.05.2006 sehingga 11.06.2006.

### ***Menyusun dan Mengelas Maklumat***

Apabila pelajar telah mengumpul data-data yang diperlukan dalam KST iaitu melalui temuramah dengan ahli keluarga mereka dan juga mengumpul dokumen-dokumen seperti sijil perkahwinan, sijil kelahiran, sijil penghargaan, kad pengenalan, dokumen rasmi dan lain-lain sumber berkaitan, saya telah merancang satu sesi menyusun dan mengelas maklumat bagi pelajar saya. Rancangan pelajaran harian tersebut adalah seperti berikut.

*Tang Geok Ling: Penerokaan teknik dan pendekatan yang sesuai dalam proses membantu pelajar menyiapkan Kajian Sejarah Tempatan, ms 73-90.*

Tingkatan: 1 Bestari  
 Tarikh: 19.06.2006  
 Hari: Selasa  
 Masa: 12.55-1.30 petang (35 minit)  
 Bil Pelajar: 43 orang  
 Mata Pelajaran: Sejarah  
 Topik: Kajian Sejarah Tempatan (KST)  
 Aktiviti: Menyusun dan mengelas maklumat  
 Objektif: Pada akhir aktiviti, pelajar dapat menyusun dan mengelas maklumat yang dikumpulkan.  
 BBM: Hasil temuramah dan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan ahli keluarga pelajar.

Langkah	Isi Pelajaran/ Topik	Aktiviti Guru	Maklum balas Murid	Catatan
Langkah 1 (5 minit)	Menyediakan maklumat/ mengenal pasti kesesuaian/ kelengkapan maklumat	<ol style="list-style-type: none"> <li>Guru minta pelajar keluarkan semua maklumat yang telah dikumpulkan.</li> <li>Guru mengenal pasti pelajar yang belum mengumpul data-data KST.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Pelajar mengeluarkan semua maklumat yang telah dikumpul dan diletak atas meja.</li> <li>Didapati terdapat 12 orang pelajar belum menjalankan temuramah dengan ahli keluarga mereka.</li> </ol>	12 orang pelajar (pelajar asrama) tersebut telah diberi markah demerit dan mereka berjanji untuk menjalankan temuramah pada minggu balik kampung. Mereka diminta menghasilkan dan menyediakan soalan temuramah.
Langkah 2 (25 minit)	Susun bahan/ maklumat mengikut topik folio.	<ol style="list-style-type: none"> <li>Guru menyalin topik folio di papan hitam. ( Bab 1, Bab 2, Bab 3 dan Bab 4).</li> <li>Pelajar diminta menyusun maklumat ikut bab-bab yang ditetapkan,</li> <li>Pelajar dinasihati 'binding' setiap bab supaya maklumat yang dikumpul tidak bercampur aduk.</li> <li>Guru meminta pelajar mengenal pasti kekurangan maklumat dan sekiranya tidak lengkap perlu mengumpul selengkap yang mungkin.</li> <li>Guru membimbing pelajar mencungkil maklumat daripada</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Terdapat sebilangan pelajar menyalin topik folio di atas kertas (menyenangkan mereka buat rujukan).</li> <li>Sebilangan pelajar pula terus menyusun maklumat mereka dengan berpandukan maklumat di papan hitam.</li> <li>Pelajar "binding" maklumat mereka ikut cara masing-masing.</li> <li>Arahan guru diterima dengan jelas dan pelajar juga menunjukkan</li> </ol>	

		dokumen.	hasil maklumat yang lengkap dan tersusun. 5. Pelajar menganalisis dokumen.	
Langkah 3 (5 minit)	Pemantauan / Soal Jawab	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Guru memantau perkembangan kerja pelajar.</li> <li>2. Guru memberi penjelasan individu kepada pelajar yang bertanya.</li> </ol>	1. Pelajar bertanya tentang ketepatan hasil mereka.	

Saya berasa berpuas hati dengan pelajar 1B kerana kebanyakan mereka telah berjaya menjalankan temuramah dengan ahli keluarga mereka serta berjaya mengumpulkan pelbagai dokumen yang berkaitan dengan ahli keluarga. Walau bagaimanapun, masih terdapat 12 orang pelajar yang belum menjalankan temuramah dan memberi pelbagai alasan. Mereka telah berjanji untuk menjalankan temuramah secepat mungkin yang boleh.

Saya juga difahamkan oleh pelajar saya tentang masalah-masalah yang dihadapi semasa menjalankan temuramah. Antara masalah-masalah yang dihadapi mereka adalah seperti saudara-mara mereka yang tinggal jauh dan ini menyebabkan maklumat yang mereka kumpul adalah terhad. Selain itu, masa temuramah mereka sentiasa ditangguhkan kerana kesibukan ahli keluarga mereka. Terdapat juga ahli keluarga mereka yang tidak memberi kerjasama yang penuh seperti memberi maklumat yang tidak lengkap serta meminta pelajar mereka-reka maklumat untuk mereka.

### ***Membentuk Kumpulan Mengikut Tahap Perkembangan KST***

Selepas pelajar 1B telah mengumpul, dan menyusun atau mengelas maklumat-maklumat yang mereka kumpul, langkah yang seterusnya ialah menulis laporan KST. Laporan KST boleh dibahagikan kepada 4 bab seperti yang ditunjukkan pada Jadual 2 berikut.

**Jadual 2: Bab-bab laporan kajian**

<b>Bil</b>	<b>Laporan Kajian</b>
1	Bab 1: Perkembangan diri
2	Bab 2: Perkembangan ayah
3	Bab 3: Perkembangan ibu
4	Bab 4: Perkembangan adik-beradik

Saya telah merancangkan satu waktu Sejarah dalam setiap minggu untuk membantu pelajar saya menghasilkan laporan kajian. Pada 27.06.2006, saya telah menerangkan cara-cara yang boleh digunakan untuk menyampaikan maklumat-maklumat yang berkaitan pada laporan kajian. Selepas itu, pelajar diberikan tugas untuk menyiapkan laporan bagi bab 1 dalam masa seminggu.

Minggu yang seterusnya iaitu pada 3.07.2006, didapati sebilangan pelajar tidak menyiapkan tugas yang telah diberikan pada minggu lepas. Dengan ini, pada minggu yang seterusnya iaitu pada 11.07.2006, saya telah membahagikan pelajar kepada 4 kumpulan berdasarkan tahap perkembangan KST mereka. Kumpulan yang telah dibahagikan adalah seperti yang ditunjukkan pada Jadual 3.

**Jadual 3: Pembahagian kumpulan**

<b>Bil.</b>	<b>Kumpulan</b>	<b>Sifat Kumpulan</b>	<b>Bil.Pelajar (orang)</b>
1	Kumpulan A	Golongan pelajar yang lebih "advance".	11
2	Kumpulan B	Golongan pelajar yang telah menyiapkan tugas yang diberikan oleh guru	15
3	Kumpulan C	Golongan pelajar yang berusaha tetapi lemah.	7
4	Kumpulan D	Golongan pelajar yang belum bertindak.	9

Kumpulan A terdiri daripada golongan pelajar yang lebih "advance" iaitu mereka yang telah menyiapkan tugas Bab 1 yang diberikan saya pada minggu yang lepas malahan mereka juga menyiapkan bab-bab yang lain. Kumpulan B pula terdiri daripada golongan pelajar yang telah menyiapkan tugas yang telah diberikan sahaja dan hasil kerja mereka menepati kriteria yang telah saya tentukan. Kumpulan C pula terdiri daripada pelajar yang lemah tetapi ada menunjukkan usaha mencuba iaitu mereka telah menyiapkan tugas atau sebahagian daripada tugas yang diberikan oleh saya tetapi hasil kerja mereka masih mempunyai kekurangan dan perlu diperbaiki. Kumpulan D terdiri daripada golongan pelajar yang langsung tidak menyiapkan tugas mereka. Malah ada pelajar yang belum mengumpul maklumat KST.

Saya telah membahagikan pelajar 1B kepada 4 kumpulan seperti yang dinyatakan tadi. Oleh kerana pelajar Kumpulan A (11 orang pelajar) dan Kumpulan B (15 orang pelajar) terdiri daripada bilangan pelajar yang ramai, saya telah membahagikan kedua-dua kumpulan kepada beberapa kumpulan kecil. Bagi kumpulan A dan B, saya sentiasa memantau dan memberi tugas yang baru (Bab 2 hingga Bab 4 dalam laporan kajian) kepada mereka. Manakala bagi kumpulan C pula, saya menerangkan cara-cara pelaksanaan laporan dengan lebih teliti dan menggunakan contoh-contoh hasil kerja pelajar kumpulan A dan B sebagai rujukan.

Kebanyakan pelajar dalam Kumpulan D belum mengumpul maklumat-maklumat yang diperlukan dalam KST iaitu mereka belum lagi menjalankan temuramah dan mengumpul dokumen-dokumen berkaitan. Saya telah mengambil tindakan untuk memberi markah demerit kepada mereka. Saya kemudian menerangkan semula cara-cara temuramah dan menjelaskan dokumen yang perlu dikumpulkan bagi KST mereka. Selepas itu, saya telah memberi masa kepada mereka untuk menjalankan temuramah dan mengumpul dokumen. Langkah ini amat berkesan kerana pada dua minggu selepas ini, 7 orang pelajar tersebut telah membawa maklumat-maklumat hasil daripada temuramah dan juga dokumen-dokumen yang diperlukan. Pelajar-pelajar ini telah ditempatkan ke Kumpulan C untuk membolehkan mereka meneruskan pelaksanaan KST mereka.

Dua orang pelajar dalam Kumpulan D yang belum bertindak telah saya bantu dengan menyediakan borang maklumat peribadi seperti yang ditunjukkan pada Lampiran 1. Saya meminta mereka mengisikan maklumat-maklumat dalam borang tersebut. Borang maklumat peribadi yang disediakan saya untuk mereka adalah untuk membantu mereka mendapatkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan KST mereka. Kedua-dua orang pelajar tersebut telah berjaya melengkapkan maklumat-maklumat pada borang peribadi tersebut dan membolehkan mereka terus maju ke depan iaitu menulis laporan KST.

Pendekatan membentuk kumpulan ini telah digunakan sehingga semua pelajar telah menyiapkan laporan KST mereka iaitu pada 11.07.2006 sehingga 08.08.2006 dan ini melibatkan empat waktu Sejarah. Dalam tempoh pelaksanaan pendekatan ini, bilangan pelajar yang tergolong dalam kumpulan C dan D semakin berkurangan. Pada 08.08.2006, hanya 4 orang pelajar yang masih berada dalam kumpulan C. Saya telah memberi tumpuan penuh kepada 4 orang pelajar ini supaya mereka dapat menghasilkan laporan mereka.

## **REFLEKSI**

Pada peringkat awal, saya telah merancang untuk mengaplikasikan teknik ini terhadap semua kelas Tingkatan Satu yang saya ajar iaitu 1B, 1D, 1F dan 1H serta sekaligus mereka menjadi peserta kajian saya. Walau bagaimanapun, saya mendapati bahawa mungkin akan wujud masalah data yang terlalu banyak dan bertaburan sehingga akan menyukarkan saya untuk menganalisis dan menulis laporan kajian tindakan saya. Hal ini saya khawatiri berlaku kerana saya masih tidak mempunyai pengalaman untuk menghasilkan kajian yang melibatkan peserta kajian yang begitu ramai. Oleh sebab itu, saya telah mengambil keputusan hanya mengambil kelas 1B.

Kajian tindakan ini telah menambah baik amalan saya dalam pelaksanaan KST. Saya berasa cabaran yang amat besar bagi saya untuk melaksanakan KST dalam kelas Tingkatan 1B. Memang tidak dapat dinafikan sikap pelajar yang malas dan tidak mengambil berat terhadap KST merupakan halangan dan cabaran yang utama bagi saya dalam proses membantu pelajar 1B menyiapkan KST mereka. Sikap pelajar sedemikian telah menimbulkan pelbagai masalah kepada saya seperti tidak menyiapkan kerja mereka dalam masa yang ditetapkan, hasil kerja yang tidak kemas, menghilangkan folio KST mereka dan sebagainya. Ekoran daripada timbulnya masalah-masalah ini, saya telah mengubahsuaikan pendekatan dan teknik yang dicadangkan dalam Buku Panduan Kajian Sejarah Tempatan supaya lebih relevan dengan keadaan yang saya hadapi. Saya juga memikirkan pendekatan yang lebih efektif seperti membentuk kumpulan berdasarkan tahap perkembangan KST. Selain itu, saya telah menyediakan borang peribadi untuk 2 orang pelajar yang tidak mengumpul maklumat-maklumat KST agar mereka secara tidak langsung dapat mengumpulkan maklumat dengan melengkapkan borang tersebut. Penerokaan pendekatan-pendekatan ini telah membawa satu perubahan yang besar serta inovasi dalam p & p KST saya selama ini.

Setelah beberapa sesi p & p KST, saya sedar bahawa perkara-perkara yang kecil juga perlu diambil kira dalam perancangan p & p KST. Sebagai contohnya, cara-cara menyusun perkataan dan husuf perlu diterangkan dengan lebih teliti dalam pelaksanaan muka depan folio KST. Pelbagai tahap perkembangan KST pelajar telah menimbulkan kesukaran kepada saya untuk mengendalikan pelaksanaan KST dalam kelas 1B dan keadaan ini telah bertambah buruk dengan bilangan pelajar yang ramai dan waktu Sejarah yang singkat iaitu 30 atau 35 minit sewaktu. Bagi mengatasi masalah ini saya telah membahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan berdasarkan tahap perkembangan KST mereka. Penggunaan pendekatan ini telah memudahkan saya mengurus dan mengendali pelaksanaan KST dalam kelas 1B.

Hasil daripada temubual dengan 6 orang pelajar 1B yang sukarela memberi maklum balas kepada saya tentang keberkesanan teknik dan pendekatan yang digunakan saya mendapati bahawa pendekatan dan teknik yang digunakan selama pelaksanaan KST dapat membantu mereka menyiapkan KST mereka. Saya juga difahamkan bahawa KST merupakan folio yang pertama yang dihasilkan oleh mereka dalam persekolahan sekolah menengah. Pelaksanaan KST ini telah menjadi perintis dan pengetahuan asas kepada mereka dalam penghasilan folio yang lain seperti Kajian Geografi Tempatan (KGT) dan Folio Kemahiran Hidup. Selain itu, mereka juga berpendapat bahawa kepelbagaian teknik dan pendekatan yang digunakan saya dalam pelaksanaan KST tidak membosankan mereka dan meningkatkan minat mereka terhadap pelaksanaan kerja kursus seperti ini.

Teknik membentuk kumpulan mengikut tahap perkembangan KST telah membolehkan pelajar berbincang dalam kumpulan dan menukar pendapat. Selain itu, pendekatan ini telah memberi motivasi kepada pelajar yang berada dalam kumpulan C dan D. Mereka berasa malu jika sentiasa berada dalam kumpulan tersebut. Hal ini telah menjadi pemangkin dan motivasi kepada mereka untuk menyiapkan tugas yang diberi pada masa yang ditetapkan atau lebih daripada itu. Saya juga difahamkan bahawa sebelum ini mereka takut dan tidak berani menanya soalan kepada saya apabila tidak memahami sesuatu perkara. Keadaan ini telah beransur bertambah baik kerana pendekatan ini telah mengeratkan hubungan saya dengan pelajar-pelajar saya. Pelajar juga memberitahu saya dalam temubual bahawa penerangan saya dalam proses p & p KST agak laju. Perkara ini berlaku mungkin disebabkan waktu p & p yang singkat iaitu 30 atau 35 minit. Walau bagaimanapun, ini sebagai saya maklum balas dan saya perlulah mengubah dan membetulkan amalan ini.

Saya juga mendapati pelajar lebih menumpu kepada folio KST mereka sehingga mengabaikan buku catatan mereka. Apabila saya menyemak buku catatan mereka, saya mendapati kebanyakan pelajar-pelajar 1B tidak merekod segala aktiviti dan perasaan mereka sepanjang masa pelaksanaan KST. Pada masa yang akan datang, saya perlu memberi penekanan penulisan buku catatan pelajar dan juga memberi peruntukan markah untuk penulisan buku catatan pelajar.

## **RUMUSAN**

KST ini telah mengambil masa kira-kira tujuh bulan seperti yang ditunjukkan pada Lampiran 2. Kesimpulannya, teknik dan pendekatan yang telah diterokai saya dapat membantu pelajar 1B menyiapkan KST mereka. Pendekatan seperti membentuk kumpulan berdasarkan tahap perkembangan KST pelajar telah memudahkan saya mengendali dan mengurus pelajar 1B yang mempunyai bilangan pelajar yang ramai, tahap perkembangan KST yang berbeza serta waktu Sejarah yang singkat. Walau bagaimanapun, teknik dan pendekatan yang digunakan saya masih mempunyai kelemahan yang perlu dimurnikan dan dibetulkan supaya teknik ini lebih berkesan. Saya juga berharap pada masa yang akan datang saya dapat meneroka teknik atau pendekatan yang lebih mudah dan menarik serta relevan dengan keadaan pelajar saya yang mempunyai tahap kecerdasan yang berbeza. Teknik ini tidak terbatas pada mana-mana mata pelajaran seperti Folio Kemahiran Hidup, Kajian Geografi Tempatan dan sebagainya. Ia cuma perlu disesuaikan berdasarkan mata pelajaran dan kreativiti guru itu sendiri.

## **BIBLIOGRAFI**

- Akbar Ibrahim. (2004). *Penyelidikan kualitatif: Satu pengenalan ringkas*. Kuching, Sarawak: PROFES.
- Arhar, J.M., Holly, M.L. & Kasten, W.C. (2001). *Action research for teachers: Traveling the yellow brick road*. Upper Saddle, New Jersey: Prentice-Hall, Inc.
- Bahagian Pendidikan Guru. (2001). *Garis panduan kursus penyelidikan tindakan untuk Maktab/ Institut Perguruan Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Chuah Kim Hwa. (2006). *Data dalam penyelidikan tindakan dan teknik pengumpulan data kualitatif penyelidikan tindakan*. Bahan Kursus/Bengkel Penyelidikan Tindakan Peringkat "Intermediate" Fasa 1 Tahun 2006 di bawah Kursus Pendek Kelolaan Institut, Institut Perguruan Batu Lintang, 28-29 Mac 2006 di MP Batu Lintang, Kuching, Sarawak.
- Chuah Kim Hwa. (2006). *Analisis data kualitatif dalam penyelidikan tindakan*. Bahan Kursus/Bengkel Penyelidikan Tindakan Peringkat "Intermediate" Fasa 2 Tahun 2006 di bawah Kursus Pendek Kelolaan Institut, Institut Perguruan Batu Lintang, 22-23 Jun 2006 di PKG Serian, Sarawak.
- Creswell, J. W. (2005). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. Upper Saddle River, New Jersey: Pearson Education, Inc.
- Marshall, C. & Rossman, G.B. (1999). *Designing qualitative research*. (3<sup>rd</sup> ed.) Thousand Oaks, California: Sage Publications.
- Mary Wong Siew Lian. (2006). *Writing a research paper*. Bahan Kursus/Bengkel Penyelidikan Tindakan Peringkat "Intermediate" Fasa 2 Tahun 2006 di bawah Kursus Pendek Kelolaan Institut, Institut Perguruan Batu Lintang, 22-23 Jun 2006 di PKG Serian, Sarawak.

- PALM. (1988-1990). *Supporting teacher development through action research: A PALM resource for advisory teacher*. Norwich: University of East Anglia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum.(2002).*Huraian Sukatan Pelajaran KBSM Sejarah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2004). *Buku Panduan Kajian Sejarah Tempatan Sekolah Menengah Rendah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rahil Mahyuddin, Jami'ah Mohamad & Kasnani Ab. Karim (2000). *Psikologi Pendidikan II*. Kuala Lumpur: Addison Wesley Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Sharifah Alawiyah Al Sagoff. (1983). *Ilmu Pendidikan: Pedagogi*. Kuala Lumpur: Heinemann Asia.
- Sharifah Alawiyah Al Sagoff. (1985). *Buku Falsafah Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Toh Wah Seng. (2005). Penyelidikan tindakan: Perkembangan profesionalisme ke arah pengamalan reflektif dan penambahbaikan sekolah. Dalam *Prosiding Penyelidikan Tindakan tahun 2005, 3-4 Oktober 2005*, ms. 1-7. Kuching, Sarawak: Maktab Perguruan Batu Lintang
- Yew Chee Wai, Maty Tan & Ros Maria Chin. (2005). *Ulang kaji Total Sejarah PMR*. Selangor: Sasbadi Sdn. Bhd.



**Lampiran 1**

**Jadual Pelaksanaan Kajian Sejarah Tempatan**

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Catatan</b>
1	Taklimat KST	17.04.2006 - 21.04.2006	Telah menggunakan 3 waktu Sejarah dalam minggu tersebut.
2	Menghasilkan muka depan folio KST	28.04.2006 dan 02.05.2006	2 waktu Sejarah telah digunakan bagi penghasilan muka depan folio KST.
3	Menentukan orang sumber dan menyediakan soalan temuramah.	09.05.2006	Pelajar menentukan orang sumber dan membina soalan temuramah.
4	Temuramah dan mengumpul dokumen-dokumen	17.05.2006 – 11.06.2006 (cuti pertengahan tahun)	12 orang pelajar tidak menjalankan temuramah dan mengumpul dokumen-dokumen yang berkaitan.
5	Menyusun dan mengelaskan maklumat	19.06.2006	Penerangan telah diadakan.
6	Membincang dan menulis laporan (Bab 1 hingga Bab 4)	27.06.2006 – 08.08.2006	Penggunaan pendekatan membentuk kumpulan mengikut tahap perkembangan KST.
7	Menulis rumusan	05.09.2006	Pelajar membuat rumusan terhadap KST mereka.
8	Menulis perhargaan	12.09.2006	Pelajar menulis perhargaan kepada pihak-pihak yang membantu mereka dalam berjaya KST mereka.
9	Membuat senarai kandungan	19.09.2006	Pelajar menyusun KST mereka.
10	Menyerahkan hasil KST	29.09.2006	Pada 06.10.2006 semua pelajar telah menyerah

*Tang Geok Ling: Penerokaan teknik dan pendekatan yang sesuai dalam proses membantu pelajar menyiapkan Kajian Sejarah Tempatan, ms 73-90.*

			folio KST kepada saya dan hanya seorang pelajar yang tidak menghantar kerana berhenti sekolah.
--	--	--	--

## Lampiran 2

### Borang Peribadi

Hubungan: \_\_\_\_\_

1. Nama: \_\_\_\_\_
2. Jantina: \_\_\_\_\_
3. Tarikh lahir: \_\_\_\_\_
4. Tempat lahir: \_\_\_\_\_
5. Umur: \_\_\_\_\_
6. Alamat: \_\_\_\_\_
7. Bangsa: \_\_\_\_\_
8. Agama: \_\_\_\_\_
9. Cita-cita: \_\_\_\_\_
10. Hobi; \_\_\_\_\_
11. Makanan kegemaran: \_\_\_\_\_
12. Minuman kegemaran: \_\_\_\_\_
13. Warna kegemaran: \_\_\_\_\_
14. Bilangan adik beradik: \_\_\_\_\_
15. Takhir perkahwinan: \_\_\_\_\_
16. Nama suami atau isteri: \_\_\_\_\_
17. Bilangan anak: \_\_\_\_\_
18. Pekerjaan dahulu:
  - i \_\_\_\_\_
  - ii \_\_\_\_\_
  - iii \_\_\_\_\_
  - iv \_\_\_\_\_
19. Pekerjaan sekarang: \_\_\_\_\_
20. Tahap pendidikan: \_\_\_\_\_
  - i. sekolah rendah: \_\_\_\_\_
  - ii. sekolah menengah: \_\_\_\_\_
  - iii. Universiti dan Kolej: \_\_\_\_\_
21. Harapan: \_\_\_\_\_
22. Visi dan falsafah hidup: \_\_\_\_\_